

25 JAN 2000

NAZRI-JAWATANKUASA

DEWAN PERNIAGAAN DIGESA TUBUH JAWATANKUASA PEMANTAUAN PINJAMAN SKIM

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz mencadangkan agar dewan-dewan perniagaan menubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau mereka yang terlibat dengan pinjaman skim-skim kementerian itu.

"Ini adalah untuk mengetahui perkembangan mereka selepas mendapat pinjaman tersebut," katanya kepada pemberita pada perjumpaan Hari Raya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur di sini hari ini.

Katanya dewan-dewan perniagaan harus bertanggungjawab terhadap pemantauan pinjaman-pinjaman tersebut kerana pihak kementerian telah menerima cadangan mereka bagi meluluskan pinjaman skim itu.

Oleh kerana kerajaan ingin membantu menyelesaikan masalah modal bangsa Melayu maka penubuhan jawatankuasa pemantauan ini adalah penting, katanya lagi.

Sebelum itu, dalam ucapannya pada majlis tersebut, Nazri berkata kementerian perlu ada keyakinan serta kepercayaan terhadap dewan-dewan perniagaan dalam usaha untuk membangunkan bidang keusahawanan di negara ini.

Menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan dalam bukunya bertajuk "A New Deal For Asia" bahawa langkah ke hadapan bagi Malaysia dan Asia ialah bidang keusahawanan. Disebabkan itulah, diwujudkan sebuah kementerian keusahawanan di negara ini bagi tujuan tersebut.

Oleh itu, kata Nazri, dewan-dewan perniagaan mesti bekerjasama dengan kementerian untuk memastikan saranan kerajaan untuk membangunkan bidang keusahawanan ini dapat dijalankan dengan baik.

Ini adalah kerana cadangan daripada dewan-dewan perniagaan adalah dianggap muktamad dan penting dan diberi pertimbangan oleh kementerian.

Oleh itu dewan-dewan perniagaan mesti memainkan peranan mereka terutamanya dari segi bayaran pinjaman dan kementerian tidak akan bertolak-ansur mengenai hutang.

Ini adalah bagi memastikan bahawa skim-skim kerajaan dimanfaatkan, tambahannya lagi. -- BERNAMA

SHO JR